

Headline	ISU		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	31 May 2016	Color	Full Color
Section	Letters	Circulation	171,663
Page No	22	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	168 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,320
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,961



## ISU

■ **HUKUMAN** bagi penceroboh tanah haram di Cameron Highlands hanya sekadar denda. Mereka senyum sahaja. Sepatutnya simpan mereka dalam kandang besi baru tahu langit itu tinggi atau rendah.

**CILIAPI**

■ **PENGUAT KUASA** yang menerima rasuah hidup mewah dan kaya raya. Mereka ini jenis yang tidak takut dosa. Dapat duit beri anak dan isteri makan. Tak sedar negara boleh tergadai. Harap kerajaan mengenakan hukuman paling berat kepada mereka yang bersalah.

**012-876XXXX**

■ **APABILA** kerajaan membenarkan usul rang undang-undang persendirian untuk tujuan pindaan Akta 355 di Parlimen, timbul persoalan mengapa pemimpin kaum Cina macam cacing kepanasan. Pindaan akta ini tertakluk kepada rakyat yang beragama Islam sahaja.

**017-617XXXX**

■ **SYARAT** baharu pinjaman Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional mengecewakan. Macam mana hendak bantu usahawan?

**AHMAD SUKRY & LATEH**

■ **BAGAIMANA** dengan perkembangan tindakan tegas Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dalam usaha memburu pengelak-pengelak cukai. Sehingga kini masih belum ada berita mengenainya. Kami masih tertunggu-tunggu.

## TUNGGU DAN LIHAT

■ **HAIRAN** apabila melihat pemimpin-pemimpin bukan Islam yang kurang senang dengan usul rang undang-undang persendirian yang bertujuan memantapkan lagi Akta Mahkamah Syariah 1965. Langkah ini tidak ada kena-mengena dengan mereka. Ini hanya untuk orang Islam.

**PELIK**

■ **APA** sudah jadi dengan Cameron Highlands. Semalam berlaku banjir kilat hingga menyebabkan banyak kerosakan. Mungkin ini berpunca daripada penerokaan secara haram di kawasan tanah tinggi tersebut. Kerajaan jangan berdiam diri.

**019-220XXXX**

■ **JANGANLAH** berlaku banyak kematian baru hendak bertindak. Selamatkan segera Cameron Highlands.

**PENDUDUK ASAL**

■ **MAJLIS Olimpik Malaysia (MOM)** dan kementerian terlibat perlu sentiasa memantau keadaan di Brazil sekarang ekoran virus Zika. Keselamatan atlet Malaysia yang bakal bertanding ke Sukan Olimpik 2016 Rio de Janeiro perlu diberi keutamaan.

**019-225XXXX**

■ **SETUJU** dengan CUEPACS yang mencadangkan supaya tindakan paling tegas dikenakan terhadap penjawat awam yang terbukti terlibat dengan perbuatan membuat tuntutan palsu.

**PAK ABU**